

01/08/1998

Mahathir pemimpin transformasi

APABILA membicarakan sesebuah buku umumnya, hanya kandungan dalam sesebuah buku itu saja yang disorot. Jarang sekali perkara di luar buku diberi perhatian. Seseekali perkara di luar buku itu perlu ditinjau terlebih dahulu. Dengan cara itu barulah dapat difahami mengapa sesebuah buku ditulis dan ke mana pula pembaca mahu dibawa oleh penulisnya.

Dalam hal ini, ramai orang tahu mengenai kelemahan dan unsur negatif yang terdapat pada bangsanya. Tetapi jarang sekali ada yang mahu menyedari, apa lagi mahu mengakui wujudnya kelemahan dan unsur negatif itu. Dan, memang amat langka (jarang) jika ada orang yang berani menunjukkan cara, serta memberikan petua bagaimana kelemahan dan unsur negatif itu dapat diatasi malah dapat terus tersirna (hilang) daripada bangsanya. Cara dan petua itulah diharapkan dan diyakini dapat meningkatkan maruah dan martabat bangsanya semula agar bangsanya dapat berlari sama pantas dan melejang sama tangkas dengan bangsa lain yang maju di dunia.

Selain itu, kesan pengalaman pahit di bawah empat penjajah menyebabkan penulis menjadi amat sensitif mengenai maruah bangsanya. Beliau mendapati bahawa sikap, perasaan rendah diri, cepat berpuas hati, mudah menyerah kalah adalah antara penyebab kepada kemunduran bangsanya. Keinginan yang meluap untuk melihat bangsa Malaysia menjadi bangsa merdeka yang dihormati di dunia menyebabkan beliau membuka langkah pembelaan.

Persoalan mengenai sikap, amalan nilai murni dalam kehidupan harian diberikan penekanan khusus oleh penulis. Nilai-nilai murni inilah yang akan membina bangsa Malaysia yang maju dengan akhlak terpuji. Tanpa jemu beliau menyentuh soal amanah, jujur, bekerja keras, bersih, cekap, bertanggungjawab serta melakukan sesuatu secara berulang-ulang sehingga mencapai kemahiran. Sikapnya yang berterus terang, tegas tetapi bersahaja, jelas memberikan gambaran bahawa beliau benar-benar memahami apa yang ditanganinya. Bagi beliau, pantun yang berbunyi: